

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : LOKAL



PEGAWAI Perubatan dan Jururawat Jabatan Obstetrik & Ginekologi (O&G) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan bersama tiga bayi yang dilahirkan pada hari pertama 2025.

# Gen Beta bermula!

*Bayi lahir pada 2025 hingga 2039 bergelar Generasi Beta*

## \*Kuala Lumpur

Tahun 2025 yang membuka tirai tepat pada 12 tengah malam kelmarin menandakan kelahiran generasi baharu dikenali sebagai Generasi Beta (Gen Beta).

Gen Beta akan bermula dengan bayi yang lahir dari tahun ini hingga 2039, iaitu selepas generasi terdahulu Gen Alpha (lahir pada 2010 hingga 2024) dan Gen Z (generasi yang dilahirkan selepas 1996).

## Di Negeri

Sembilan, sebanyak 20 kelahiran bayi tahun baharu di-

laporkan di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) Seremban setakat 1.30 tengah hari kelmarin.

Menurut data yang dikeluarkan HTJ, daripada jumlah itu 14 adalah bayi perempuan termasuk dua pasangan kembar yang dilahirkan awal pagi kelmarin.

Di Pahang, Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan menyambut kelahiran 10 bayi lelaki dan sembilan bayi perempuan pada tahun baharu setakat 11 pagi tadi, dengan kelahiran terawal seo-

rang bayi lelaki yang direkodkan pada 12.12 tengah malam.

Di samping itu, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang memaklumkan selain HTAA, hospital daerah Temerloh, Bentong dan Lipis turut merekodkan masing-masing dua kelahiran manakala di Raub, Pekan dan Cameron Highlands masing-masing mencatatkan satu kelahiran.

Di Putrajaya, tiga bayi lelaki dan tiga bayi perempuan seberat antara 2.51 kilogram hingga 3.85 kilogram selamat dilahirkan di Hospital Putrajaya.

Sementara itu di Perlis, pengurusan Hospital Tuanku Fauziah (HTF), Ka-

ng dalam kenyataan memaklumkan lima bayi lelaki dan seorang bayi perempuan dilahirkan setakat 1 tengah hari kelmarin.

Di Melaka, Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri, Datuk Ngwe Hee Sem berkata seorang bayi perempuan dan tiga bayi lelaki termasuk oleh seorang ibu warga asing dilahirkan di Hospital Melaka bermula tengah malam hingga 8 pagi kelmarin.

"Tahniah diucapkan kepada semua ibu dan bapa yang menyambut kelahiran anak mereka pada tahun baharu 2025 ini," katanya. - Bernama

Sebanyak  
20 bayi tahun  
baharu dilahirkan  
di Negeri Sembilan

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Penyelarasan semula kadar pencen pesara secara berfasa

## Langkah selari pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penyelarasan semula kadar pencen kepada pesara kerajaan akan dibuat secara berfasa, selari pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Bercakap kepada *BH*, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, berkata ketetapan itu dibuat berpandukan perincian SSPA yang turut mengambil kira golongan pesara.

Selain itu, katanya, pemberian

Penghargaan Khas Kepada Pesara (PKKP) turut memperlihatkan usaha berterusan kerajaan untuk menyantuni golongan pesara yang terkesan.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan perincian perbincangan mengenai perkara itu, selain tidak menjelaskan had masa penyelarasan semula kadar pencen itu akan dimuktamadkan.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sememangnya sedia maklum dengan punca kuasa yang digariskan di bawah Akta Penyelarasan Pencen 1980 (Akta 238).

"Namun, JPA sentiasa terbuka

kepada sebarang keputusan kerajaan berkaftan penambahan kadar pencen pada masa hadapan," katanya, semalam.

Beliau mengulas perkembangan mengenai gesaan supaya penyelarasan pencen dimuktamadkan selari pelaksanaan semakan gaji pegawai perkhidmatan awam mengikut Akta 238 itu.

Kelmarin, Timbalan Presiden Persatuan Pesara Kerajaan, Datuk Mohd Rashid Mohd Nor dilapor berkata, beliau berharap kerajaan memuktamadkan keputusan itu, mengambil kira ke-

naikan kos sara hidup ketika ini.

Sebelum ini, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, dilapor berkata, kadar pencen di bawah SSPA bagi golongan pesara sedang diperhalusi dengan kerajaan dijangka memuktamadkannya dalam tempoh terdekat.

Dilaporkan kira-kira 900,000 pesara kerajaan masih menunggu penjelasan rasmi mengenai kadar pencen mereka, sama ada akan diselaraskan mengikut skim gaji baharu penjawat awam dalam SSPA atau sebaliknya.

timbangan bagi sebarang perkara berkaitan kepentingan pesara sektor awam.

Beliau berkata, kerajaan bersetuju memberi pelarasan pencen yang memanfaatkan lebih 900,000 pesara, mulai 1 Disember lalu, selaras iltizam kerajaan MADANI menerusi terjemahan nilai ihsan.

"Pengiraan adalah berdasarkan gaji akhir pesara, sejakar pelarasan gaji bagi pegawai awam menerusi pemberian secara berfasa, masing-masing Fasa I pada 1 Disember lalu, diikuti Fasa II (1 Januari 2026).

"Pelaksanaan penyelarasan pencen ini adalah bukti jelas komitmen kerajaan dalam menjaga kepentingan pesara.

"Inisiatif ini selari dengan aspirasi kerajaan MADANI untuk membantu menangani kos sara hidup kumpulan berpendapatan rendah, terutama golongan yang memerlukan sokongan berterusan bagi mendepani suasana ekonomi yang semakin mencabar," katanya.

JPA sememangnya sedia maklum dengan punca kuasa yang digariskan di bawah Akta Penyelarasan Pencen 1980

**Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam**



### Bukti keprihatinan kerajaan

Mengenai pemberian PKKP, Wan Ahmad Dahlan berkata, ia adalah kaedah dasar perundangan, digunakan bagi penyelarasan kadar pencen susulan keputusan kerajaan melaksanakan semakan gaji penjawat awam, selari dengan Seksyen 3 Akta 238.

Pemberian itu, katanya, memperkenalkan keprihatinan kerajaan dalam membuat sebarang per-

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 3**  
**RUANGAN : NASIONAL**

# Tanggungjawab, integriti kunci kejayaan reformasi perkhidmatan sektor awam

**Kuala Lumpur:** Agenda reformasi perkhidmatan awam secara menyeluruh menuntut setiap penjawat awam mananamkan sikap lebih bertanggungjawab, sediak memberikan komitmen penuh dan bekerja dengan penuh integriti.

Presiden Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia (PPTD), Datuk Awang Alik Jeman, berkata permulaan tahun baharu 2025 sepertinya menjadi landasan terbaik untuk mananam azam baharu memperkuuh perkhidmatan awam selepas dengan pelbagai cabaran semasa yang dijangka lebih getir.

"Saya menyokong penuh seruan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar yang mengajak semua penjawat awam berganding bahu menjadikan perkhidmatan awam sebagai unggul, cekap dan tangkas."

"Agenda reformasi perkhidmatan awam yang dirancang perlu dilaksanakan dengan komitmen tinggi untuk memastikan keberhasilan yang mampu."

Justeru, penjawat awam mesti mananam azam dalam mendepani cabaran mendatang, terutama bagi tahun ini (2025) yang dijangka penuh dengan ketidaktentuan ekonomi dan sosial," katanya kepada BH semalam.

Selasa lalu, sempena hari terakhir 2024, Shamsul Azri menerusi satu catatan di Facebook berharap segala perancangan dan agenda reformasi perkhidmatan awam yang sudah direncanakan berjalan dengan jayanya.

Beliau menyifatkan reformasi yang digerakkan dalam usaha menggerakkan perkhidmatan awam ke tahap lebih cemerlang tidak boleh dilakukan secara bersendirian, sebaliknya menuntut usaha semua kakitangan awam bagi merealisasikannya.

Awang Alik turut berkata, dalam hal ini, pendekatan MADANI yang diperkenalkan Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu diberi perhatian kerana ia memberi penekanan kepada prinsip keterangkuman, keadilan dan kesaksamaan.

Pada masa sama, beliau turut melihat peranan perlu dimainkan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) dengan kelompok ini sepatutnya menjadi teladan kepada jabatan dan agensi lain, terutama dari segi prestasi melalui hasil kerja cemerlang, inovatif dan berpaksikan rakyat.

"PPTD melihat antara aspek utama (dalam merealisasikan agenda reformasi perkhidmatan awam) adalah dari segi ekonomi, ketelusan dan kecekapan."

"Bagi aspek ekonomi, penjawat awam harus memastikan pelaksanaan dasar dan projek pembangunan kerajaan yang memberi impak positif kepada rakyat. Ini termasuk memastikan setiap



Awang Alik Jeman



Penjawat awam mesti mananam azam dalam mendepani cabaran mendatang terutama bagi tahun ini.  
(Foto hiasan NSTP)

perbelanjaan kerajaan diuruskan dengan berhemah dan memberi nilai maksimum kepada rakyat, selaras dengan konsep perkhidmatan awam yang berorientasikan hasil."

"Selain itu, ketelusan juga menjadi asas kepada semua tindakan. Proses kerja yang jelas, terbuka dan bertanggungjawab akan mengembalikan keyakinan rakyat terhadap integriti perkhidmatan awam. Untuk itu, penjawat awam mesti memastikan mekanisme pengawasan dan pe-

mantauan diperkuuh bagi mengelakkan ketirisan," katanya.

Tambahnya, penggunaan teknologi digital dan automasi juga antara kunci penting dan perlu terus diperkasakan dalam usaha meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Justeru, katanya, penjawat awam perlu bersedia menghadapi perubahan teknologi dengan meningkatkan kompetensi dan mengadaptasi kemahiran baharu.